KWP

Kota Warisan Perai

KOTA WARISAN PERAI

Warisan kita, Cerita Kita



Kota Warisan Perai merupakan destinasi eko-pelancongan yang kaya dengan sejarah, budaya, alam semula jadi dan warisan komuniti setempat.

@kotawarisanperai

SELAMAT DATANG KE KOTA WARISAN PERAI

01 - Kampung Terus

02- Kampung Labuh Banting


03- Kampung Kota

04- Kampung Pengkalan Machang

05- Kampung Air Hitam Dalam







KOTA WARISAN PERAI

ialah inisiatif pelancongan berasaskan komuniti di Seberang Perai yang dilaksanakan di bawah geran ThinkCity menerusi Program Seberang Perai Small Town dengan tumpuan kepada pemuliharaan alam sekitar, pengangkatan warisan sejarah dan pembangunan produk pelancongan lestari disepanjang Sungai Perai.

Projek ini memberi penekanan kepada pemuliharaan ekosistem sungai, pengangkatan semula kisah kampung tradisional serta pembangunan produk pelancongan lestari yang memberi manfaat ekonomi secara langsung kepada komuniti tempatan. Ini merupakan pendekatan eko-pelancongan dan pelancongan berasaskan komuniti.



Kampung Terus

Sejarah

Kampung Terus bermula di bawah pemerintahan British, Tengku Sulaiman – adinda kepada Sultan Abdullah Kedah – mengetuai kira-kira 45,000 rakyat berhijrah ke Kampung Terus. Kebanyakan mereka adalah petani berpengalaman dari Alor Setar, dan misi mereka adalah untuk menanam padi dan membina pentadbiran negeri bawah tanah.



Penduduk Kampung Terus Pakcik Abdul Rahim bin Hassan menceritakan bahawa Terusan Lama dulu memang ada di depan Kampung Terus & lalu tepi kediamannya. Terusan ini adalah dibina oleh Raja Kerajaan Perai (Tunku Sulaiman) di mana Ibu Negeri adalah di Kampung Kota, Seberang Perai Tengah. Kampung Labuh Banting adalah satu pelabuhan. Baginda berulang alik dari Kampung Kota ke pelabuhannya melalui terusan (Kampung Terus) yang dikorek untuk menyingkatkan perjalanan liku Sungai Perai. Menurut beliau, “Teknologi membina Terusan” adalah kelaziman raja-raja Kedah Tua sejak zaman dahulu lagi.









Kampong Kota, seperti yang dikenali pada masa itu, menjadi penempatan pertama di Seberang Perai Tengah, manakala Sungai Terus berfungsi sebagai laluan pengangkutan utama. Sultan Abdullah menetap di sini, di mana orang British mempertahankannya daripada ancaman tentera Siam. Kampung Kubu yang juga terletak kawasan tersebut, dijadikan kubu, melindungi masyarakat daripada serangan Siam.

Kampung Labuh Banting



Berasal dari dua patah perkataan, iaitu “Labuh” yang merujuk kepada kawasan pelabuhan atau pendaratan, dan “Banting” yang merujuk kepada sebuah pulau kecil atau “beting” di muara Sungai Perai. Asal-usul nama ini dapat dikaitkan dengan sejarah lama ketika kawasan itu menjadi tempat perhentian atau pelabuhan penting untuk perdagangan dan laluan ke pedalaman melalui sungai.





Kampung Labuh Banting, yang asalnya dikenali sebagai Labuh Beting, merupakan sebuah lokasi bersejarah yang memainkan peranan penting dalam laluan air dan perdagangan zaman dahulu di Pulau Pinang. Nama Labuh bermaksud tempat kapal melabuhkan sauh, manakala Beting merujuk kepada timbunan pasir yang terdapat di tengah sungai.



Untuk memudahkan perjalanan dan mempercepatkan laluan dari Kampung Kota ke pelabuhan, baginda memerintahkan penggalian sebuah terusan pintasan melalui kawasan ini. Terusan ini memendekkan perjalanan yang asalnya melalui liku-liku Sungai Perai dan Sungai Terus.

Dodol Tradisional

Dodol tradisional yang dimasak secara turun-temurun menggunakan dapur kayu api, menghasilkan aroma harum dan tekstur kenyal yang asli. Gabungan santan, gula merah dan tepung pulut menjadikan dodol ini warisan rasa desa yang unik dan istimewa.







Kampung Kota

Kampung Kota Permatang Pasir ialah sebuah perkampungan Melayu lama yang terletak di daerah Seberang Perai Tengah, negeri Pulau Pinang. Kampung ini dikenali sebagai antara tapak bersejarah penting di Seberang Perai kerana menempatkan kawasan persemadian diraja Kedah, sekali gus mencerminkan hubungan rapat wilayah ini dengan Kesultanan Kedah pada zaman silam.

Antara tarikan utama di Kampung Kota ialah Makam Diraja Kedah, yang merangkumi makam Tunku Sulaiman serta beberapa ahli keluarga diraja yang lain. Kehadiran makam-makam ini menunjukkan bahawa kawasan ini pernah berfungsi sebagai lokasi penting dalam jaringan pentadbiran, politik dan perlindungan kerabat diraja Kedah di tanah besar Pulau Pinang, khususnya sebelum campur tangan kolonial British





Kampung Pengkalan Machang

Merupakan sebuah perkampungan tradisional Melayu yang terletak di kawasan Seberang Perai, negeri Pulau Pinang. Walaupun tarikh penubuhannya tidak direkodkan secara rasmi, kampung ini dipercayai wujud sejak era awal penempatan Melayu di sepanjang sungai dan pesisir pantai, iaitu sebelum abad ke-19.





Nama “pengkalan” merujuk kepada tempat persinggahan perahu atau bot, menggambarkan peranan kampung ini sebagai titik pendaratan penting bagi perdagangan sungai, pergerakan penduduk, dan pengangkutan hasil pertanian. Perkataan “Machang” pula dipercayai berkait dengan ciri alam setempat, selari dengan tradisi masyarakat Melayu lama yang menamakan kampung berdasarkan persekitaran semula jadi.

Kampung Pengkalan Machang juga dikaitkan dengan rangkaian kampung-kampung lama di Seberang Perai seperti Kampung Kota dan Kampung Raja, yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran kecil, kawasan pertanian, serta penempatan komuniti awal. Ketika era perdagangan dan perlombongan bijih timah berkembang, laluan sungai terus memainkan peranan penting, dan kampung ini dipercayai turut terlibat sebagai kawasan persinggahan atau sokongan kepada aktiviti ekonomi tersebut.



Kampung Air Hitam Dalam

Sejarah

Kampung Air Hitam Dalam terletak di kawasan Tasek Gelugor, dalam negeri Pulau Pinang, serta berada di daerah Seberang Perai Utara. Sejak awal pembentukannya, kampung ini berkembang dalam persekitaran paya darat yang kaya dengan sumber semula jadi serta dilingkungi oleh dua sungai kecil iaitu Sungai Kereh dan Sungai Air Hitam. Aliran-aliran ini merupakan sebahagian daripada rangkaian hidrologi yang akhirnya menyumbang kepada sistem Sungai Perai, sungai utama yang sejak dahulu menjadi nadi perhubungan dan ekonomi di Seberang Perai.

Dalam sejarah penempatan Melayu, sungai memainkan peranan penting sebagai laluan pengangkutan, sumber air, serta tapak aktiviti menangkap ikan dan membawa hasil pertanian ke kawasan pesisir. Sungai Perai khususnya berfungsi sebagai penghubung antara kampungkampung pedalaman dengan pusat perdagangan dan bandar seperti Butterworth. Kampung Air Hitam Dalam, walaupun terletak sedikit ke dalam, dipercayai menjadi sebahagian daripada rangkaian sokongan ini membekalkan hasil hutan, tanaman, serta sumber semula jadi melalui sungai-sungai cabang yang mengalir ke Sungai Perai.







Nama “Air Hitam” pula dipercayai merujuk kepada keadaan air paya atau sungai yang berwarna gelap akibat kandungan tanah gambut dan bahan organik, satu ciri lazim kawasan hutan paya darat. Faktor geografi inilah yang membentuk cara hidup awal penduduk, yang bergantung kepada alam sekitar untuk pertanian kecil-kecilan, perikanan sungai, serta penggunaan hasil hutan.

Keistimewaan Yang Ada Di 5 Kampung Di Kota Warisan Perai

1. Makam Diraja Kedah

Kompleks Makam Diraja Kedadi Kampung Kota menempatkan makam Tunku Sulaiman serta beberapa kerabat diraja Kedah. Tapak ini menjadi bukti hubungan erat antara Kesultanan Kedah dengan Seberang Perai serta menggambarkan peranan kawasan ini sebagai pusat pentadbiran dan perlindungan kerabat diraja ketika dahulu.





Sungai Perai & Pelabuhan Lama

Sungai Perai menjadi nadi pengangkutan dan perdagangan sejak zaman dahulu. Kampung Labuh Banting berfungsi sebagai kawasan persinggahan kapal dan laluan penting yang menghubungkan kawasan pedalaman dengan pusat perdagangan.

3. Terusan Lama Kampung Terus

Terusan Lama dibina bagi memendekkan laluan perjalanan dari Kampung Kota ke pelabuhan di Kampung Labuh Banting. Pembinaannya mencerminkan kebijaksanaan masyarakat terdahulu dalam membangunkan sistem pengangkutan air yang menyokong perdagangan dan pentadbiran.





4. Kelulut & Produk Asli

Kelulut ialah lebah tanpa sengat yang hidup di log kayu atau kotak ternakan. Di kampung Labuh Banting, madu kelulut menjadi produk pelancongan popular — pengunjung berpeluang merasai sendiri keunikan madu tempatan serta melihat koloni kelulut secara dekat.

5. Permainan Tradisional

Cakplong dan Senapang Bemban — permainan tradisional warisan desa yang mencerminkan nilai kreativiti, kemahiran tangan dan gaya hidup kampung yang dekat dengan alam. Warisan Permainan Kampung – Ceria, Kreatif dan Penuh Nostalgia.



Pengalaman Dan Aktiviti di Kota Warisan Perai



Berbasikal Santai



Sukan Dalam Sawah




Proses Penyediaan Tapai

Terokai keunikan Kota Warisan Perai melalui pelbagai aktiviti warisan yang menggamit memori terdahulu. Alami sendiri pengalaman berbasikal secara santai, sukan sawah, dan mempelajari cara penyediaan tapai serta dodol secara tradisional. Anda juga boleh mencuba meniti jambatan gantung dan ketenangan menaiki bot menyusuri Sungai Perai. Satu destinasi, seribu kenangan unik!"



Aktiviti Sawah Padi

Meniti Jambatan Gantung





Masak Dodol Secara Tradisional

Menaiki Bot





www.kotawarisanperai.nlttravel.com

KWP
Kota Warisan Perai

FOLLOW US

www.kotawarisanperai@nlttravel.com

@kotawarisanperai

@kotawarisanperai

@kotawarisanperai

SPKITA

KOTA WARISAN PERAI

ENGLISH VERSION

RAKAN SOKONGAN DAN STRATEGIK

thinkCITY
Bersama Membentuk Bandar Berdaya Huni.

KEMENTERIAN KEWANGAN

PENANG 2030

PERDA
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY

Penbumi

NL TRAVEL & TOURS